

## Kontrak Keagamaan: Agama Baru dan Pertubuhan Kepawangan Komuniti Cina Malaysia Kontemporari

SUSAN E. ACKERMAN

### PENGENALAN

Perbincangan berkaitan hubungan orang Cina dengan alam ghaib telah disimpulkan Weber (1951: 200) sebagai “taman magis” dengan manusia, alam dan dewa membentuk suatu kosmos. Dalam taman itu, pawang dan perantaranya bertindak sebagai pengantara menghubungkan manusia dengan dewa. Kepercayaan ini telah berkekalan, walaupun orang Cina telah melalui pemodenan. Fenomena ini bercanggah dengan hujah Weber yang menegaskan bahawa kepercayaan sedemikian akan menggugat pembentukan sebuah dunia yang rasional. Pada pendapat beliau, Konfusianisme dan Taoisme menghalang pembentukan kapitalisme rasional di China. Kesannya, orang Cina menerima kapitalisme sebagai sesuatu yang asing yang perlu disesuaikan dengan dunia magisnya.

Sebenarnya, orang Cina mengadaptasi kapitalisme dalam dunia magisnya melalui fleksibiliti mindanya. Fleksibiliti ini diperlukan untuk membolehkannya menerima realiti yang berbeza dan pencapaian tujuan dengan menggunakan kaedah rasional dan magis. Weber telah gagal mengenal pasti pentingnya fleksibiliti minda itu kerana beliau melihat rasional dan magis sebagai entiti eksklusif yang saling tidak berkaitan. Kegagalannya mungkin disebabkan kekurangan sumber sinologi yang penting bagi memahami kompleksiti pandangan dunia agama popular Cina. Fleksibiliti minda orang Cina telah membolehkannya menerima unsur yang bercanggah dengan kepercayaannya. Weber pula terlalu menekankan pandangan dunia monistik Cina dengan kesan kognitifnya ke atas kerasionalan. Hakikat itu menunjukkan idea-idea dunia monistik itu termasuk idea hukum tabii tidak menggugat perkembangan kapitalisme rasional. Perkembangan pandangan dunia dualistik di kalangan orang Cina sebagaimana yang akan dibincangkan nanti membuktikan kelemahan kesimpulan yang dibuat Weber.

Bagi orang Cina, kapitalisme rasional bersifat luaran kerana ia terbentuk daripada aktiviti komersial orang Eropah dan juga pengluasan kuasanya di Asia. Keinginan dalaman orang Cina untuk mengadaptasikan

diri dengan perkembangan semasa yang Weber berasa musykil itu adalah akibat daripada pandangan dunia monistik orang Cina yang terbit daripada konfrontasi orang Cina dengan kuasa tentera dan kapitalisme Barat. Kesannya, rasional kapitalisme mula diterima orang Cina. Namun, perkembangan itu tidak meminggirkan konsep “taman magis” dalam kepercayaan orang Cina kerana perlakuan ekonomi dan pandangan dunia monistik itu mempunyai haluan yang berbeza (Weber 1951: 196-202). Fenomena ini berbeza dengan apa yang telah berlaku di Eropah.

Akibat terbentuknya kapitalisme rasional itu, maka terbentuklah pandangan dunia dualistik di kalangan orang Cina. Agama Kristian, sains dan penubuhan institusi ekonomi yang berasakan prinsip rasional telah mewujudkan pengertian yang berbeza dalam menginterpretasi makna kosmos magis. Kepercayaan dan penyembahan yang berasakan konsep “taman magis” itu telah disifatkan sebagai tahyul. Orang Cina mula mempersoalkan kepercayaannya yang dibina atas landasan monistik.

Namun, perubahan itu telah menimbulkan motivasi orang Cina kelas pertengahan untuk mencari pemahaman teoretis yang dapat menjelaskan hubungan kepercayaan dan amalan tradisionalnya dengan dunia melalui pemodenan. Bagi membolehkan pemahaman sedemikian itu dibentuk, mereka membina ideologi yang dapat menghubungkan sains dan magis. Kesannya, orang Cina yang masih berpegang kepada kepercayaan tradisional mungkin juga akan bekerja di syarikat multinasional dan memperoleh pendidikannya yang bersifat saintifik. Mengatur seiring dunia sihir dan saintifik ini telah membolehkan kami mempercayai kewujudan pawang yang prihatin kepada kehendak golongan elit yang tidak dapat menerima kepercayaan dan amalan tradisional Cina. Pendekatan yang digunakan pawang itu boleh dijelaskan sebagai usaha untuk membina ideologi untuk memelihara kepercayaan tradisional Cina di dunia yang sudah berbeza. Ideologi itu juga menyediakan ruang untuk pembentukan pertubuhan yang mengutamakan identiti individual dan kolektif pada masa serentak.

Makalah ini akan membincangkan usaha pawang moden Cina untuk memelihara “taman magis” di dunia yang serba moden. Bagi mengkaji fenomena ini, sebuah kajian kes telah dilakukan ke atas sebuah pertubuhan agama Cina sinkretik. Pertubuhan itu mengekalkan kepercayaan tradisional Cina sementara cuba mengaitkan diri dengan usaha pemulihan ajaran Buddha di kalangan orang Cina. Pertubuhan ini dikenali sebagai Pertubuhan Dewa Pengasih. Ia adalah contoh yang dapat menghurai usaha pawang moden Cina untuk menghubungkan alam magis

kepercayaan Cina dengan kerangka konsep kerasionalan yang dapat membantu orang Cina di Malaysia untuk membina identiti etnik dan kepercayaan mistiknya.

### KEMUNCULAN PAWANG CINA MODEN

Kedudukan pawang Cina di dunia moden telah berubah. Mereka tidak lagi mendapat kedudukan tinggi seperti yang dinikmati pendeta zaman Dinasti Shang pada alaf kedua S.M. (de Groot 1964). Namun, penurunan status itu bermula sejak zaman Chou pada kurun ke-3 S.M. itu tidak menamatkan pengamalan kepawangan dalam budaya Cina. Perantara telah meneruskan pengamalan itu. Fungsi perantara adalah lebih kurang sama dengan pawang. Mereka menjadi pengantar antara syurga dan dunia manusia. Ini bermakna pengantara itu menghubungkan manusia dengan alam dewata (Eliade 1964: 493). Yang membezakannya adalah sama ada mereka berada dalam keadaan sedar atau tidak semasa berkomunikasi dengan alam dewata.

Pada umumnya, pawang berada dalam keadaan sedar ketika berkomunikasi dengan roh atau dewa. Kebolehan ini tidak dipunyai pengantara. Biasanya pengantara akan berada dalam keadaan tidak sedar bila berkomunikasi dengan roh atau dewa dan biasanya mereka juga tidak ingat apa yang telah berlaku. Sungguhpun demikian, perbezaan antara pengantara dengan pawang tidaklah jelas. Menurut Heinze (1982), pawang mempunyai kebolehan menyerupai pengantara dengan pengantara juga boleh memiliki keupayaan yang sama dengan pawang. Ini bermakna perbezaan antara pawang dan pengantara adalah kabur. Justeru itu, pawang dan pengantara yang tulen sukar ditemui.

Walaupun berbeza, pengantara boleh meningkatkan statusnya kepada pendeta dengan mengekalkan kesedarannya ketika menurun atau sedang dimasuki. Akibat fungsinya yang boleh berubah-ubah, perantara bukanlah sebahagian daripada entiti alam ghaib. Sebaliknya, dia hanyalah penghantar mesej yang boleh mentafsirkan pengalamannya dalam keadaan menurun atau sedang dirasuk. Keupayaan itu membolehkan sesetengah pengantara menjadi pawang yang sedar akan kesinkretikan ideologi dan amalan yang diterimanya. Lantas, pengantara itu tidak memainkan peranan sebagai penghubung sahaja, tetapi juga boleh memainkan peranan sebagai pendakwah.

Proses transformasi ideologi senantiasanya berlaku dalam kepercayaan popular Cina yang sinkretik yang telah bermula sejak Dinasti Sung lagi.

Sinkretik sektarian itu mengekalkan ciri asal sumber kepercayaannya, tetapi ciri asal setiap kepercayaan akan digabungkan untuk membentuk ideologi baru. Cara organisasi dan dinamik sinkretik sektarian Cina itu telah didokumentasi dalam banyak kajian (Baity 1975; Overmyer 1976; Welch & Yu 1980; Naquin 1985; Jordan & Overmyer 1986). Kajian-kajian itu menunjukkan sinkretik sektarian mengekang usaha untuk menggabungkan beberapa kepercayaan bagi membentuk ideologi baru. Sifat sedemikian telah memberi ruang kepada tafsiran yang dibuat pawang dalam membentuk ideologi baru bagi menyempurnakan agenda politik, etnik dan pelbagai lagi tujuan sosial yang lain. Perkembangan ini adalah yang tidak dijangka dan diliputi Weber (1951).

Dengan itu, strategi sektarian yang dibincangkan di atas dengan kesedaran pawang ketika menerima pedoman daripada alam dewata itu menjadi formula yang berkesan untuk mengubah kepawangan tradisional kepada kepawangan moden. Ia membolehkan pawang moden menggabungkan hukum tabii saintifik dengan alam magis. Bagi membolehkannya memainkan peranan sedemikian, pawang moden perlu menunjukkan bahawa peranannya tidaklah sekadar penghubung antara alam dewata dengan manusia. Selain memberi perkhidmatan pemulihan, pengikut kelas pertengahan juga mengharapkan pawang dapat memainkan peranan kepawangan secara rasional dan karismatik. Untuk memainkan peranan itu, pawang perlu menunjukkan keupayaannya untuk membimbing pengikutnya secara pragmatik dan beretika. Jika dapat memenuhi kriteria itu, pawangan moden berupaya menjana ideologi baru.

Di Malaysia, prestij pawang Cina bergantung pada keupayaannya untuk meyakinkan pengikutnya dalam hal ehwal duniawi dan alam dewata. Mereka perlu meyakinkan pengikut yang terdiri daripada penganut agama Buddha dan Tao dengan ideologinya secara teratur. Mereka juga perlu meyakinkan orang Cina yang beragama Kristian daripada kelas menengah yang mendapati sukar menerima pandangan dunia monistik. Sehubungan itu, pawang moden Cina terpaksa bersaing dengan pengantara dan juga pawang Cina yang mempunyai pendekatan yang berbeza.

Dalam suasana yang serba sukar ini, pawang Cina mempromosikan ideologinya secara sistematik. Kajian ini menumpu kepada usaha kultus yang sedia ada dan cuba untuk membimbing sekumpulan orang Cina borjuis. Antara kultus yang popular itu adalah kultus Guanyin, seorang Bodhisattva perempuan yang lebih dikenali sebagai Dewi Pengasih di seluruh dunia.

Kepopularan Guanyin meningkat sesuai dengan usaha untuk memulihkan ajaran Buddha di Malaysia yang dilakukan orang China. Ini seterusnya telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam struktur pengikut ajaran Guanyin. Pada umumnya, Guanyin ialah seorang dewi perempuan. Oleh hal yang demikian, pengikut ajarannya adalah kaum perempuan. Akan tetapi dengan peningkatan kepopularan Guanyin, kini kaum lelaki telah memainkan peranan besar dalam tokong dan pertubuhan berkaitan Guanyin.

Selain peningkatan kepopularan, faktor adat orang Cina yang berpaksikan sistem patriakal telah menggiatkan penglibatan kaum lelaki dalam pemujaan Guanyin. Sistem patriakal Cina mengehendaki kaum lelaki untuk memimpin perniagaan keluarga. Oleh sebab itu, kaum lelaki mempunyai keupayaan ekonomi untuk memimpin pertubuhan yang berkaitan Guanyin.

Ciri-ciri ini amat jelas dalam Pertubuhan Pemuja Dewi Pengasih (PPDP). Pertubuhan yang ditubuhkan pada tahun 1970-an ini telah mendapat sambutan baik. Ia ditubuhkan seorang peniaga Cina lelaki dan disokong oleh sekumpulan peniaga Cina lelaki. Sokongan peniaga itu telah membolehkan PPDP menjadi popular di kalangan orang Cina. Walaupun diuruskan sekumpulan orang lelaki, PPDP dianggotai ramai pengikut wanita.

PPDP diasaskan Chan, seorang usahawan, pada tahun 1970-an. Mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah mubaligh pada tahun 1950-an sehingga ke tahap menengah, beliau melihat dirinya sebagai seorang kosmopolitan dan juga seorang Cina. Akibat pendidikan awalnya, Chan fasih berbahasa Inggeris. Setelah dewasa, beliau menjadi usahawan yang berjaya dengan mempunyai jaringan sosial yang luas di dunia peniaga Cina di Kuala Lumpur. Disebabkan latar belakangnya, kemungkinan Chan menjadi pawang amatlah rendah. Akan tetapi, penglibatannya dalam kerjaya sedemikian seolah-olah telah ditakdirkan pada suatu malam Tahun Baru Cina pada tahun 1970-an.

Sebelum takdir itu, Chan amat bimbang kesihatan seorang ahli keluarganya. Sehubungan itu, beliau memohon bantuan Tuhan, termasuk Jesus, Virgin Mary selain memuja beberapa dewa Cina dan juga Satya Sai Baba. Akhirnya, pada suatu malam Tahun Baru Cina, beliau seolah-olah dimasuki Dewa *Seung Tai* (dewa agung dalam agama Tao). Sepanjang masa dalam keadaan dirasuk, Chan memohon kepada Dewa *Seung Tai* untuk menyelamatkan ahli keluarganya. Dewa *Seung Tai* berkenan dengan syarat Chan memeluk agama Buddha. Selepas peristiwa itu, Chan dianugerahi keupayaan untuk berkomunikasi dengan dewa Cina dan Satya Sai Baba.

Memandangkan sudah mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi dengan alam ghaib, Chan mendapati dirinya sentiasa mengalami disorientasi, maka mudah terdedah kepada bahaya. Seorang lagi dewa Cina, dalam sebutan Kantonis, Wong Lo Sin See, telah memberi pedoman kepadanya untuk menjadi pengikut Guanyin. Bermula daripada detik itulah Guanyin telah menjadi sumber inspirasi utama bagi Chan. Guanyin berkomunikasi dengannya. Dalam semua proses komunikasi itu, Chan berada dalam keadaan sedar. Kelebihan ini membolehkannya menjadi pawang.

Chan merekodkan hasil komunikasinya dengan Guanyin dalam sekurang-kurangnya empat puluh buah buku lejar. Guanyin juga telah menganugerahi keupayaan untuk memulihkan kesihatan, meramal dan menerima mesej dewa dewi secara bertulis. Keupayaan itu dimanfaatkannya untuk mengembangkan ajaran Guanyin, terutamanya kepada orang Cina yang berpendidikan sekolah Inggeris. Usaha itu mewakili perubahan dalam pemujaan Guanyin yang sebelum ini didominasi kaum wanita. Melalui usaha Chan, pemujaan Guanyin telah diatur menjadi sebuah pertubuhan yang diketuai orang yang berpendidikan dan berpengaruh dalam komuniti orang Cina di Malaysia.

Setelah beberapa bulan mendapat tunjuk ajar daripada Guanyin, Chan menubuhkan PPDP, sebuah pusat pemujaan untuk memberi perkhidmatan dari segi bimbingan kerohanian, kesihatan dan pemujaan kepada para pengikutnya. Ahli-ahli PPDP pula terdiri daripada ahli keluarga, jiran tetangga, sahabat handai dan rakan perniagaan Chan. Mereka kemudiannya memanggil Chan sebagai *si fu*.

Memandangkan beliau adalah ahli perniagaan yang terkemuka, Chan dapat mengumpul dana untuk kebajikan dan projek lain yang menjadi fokus PPDP. Status beliau sebagai ahli perniagaan telah memberikannya kelebihan untuk menganjurkan aktiviti kebajikan di tempat awam. Berbeza dengan masa sebelumnya, iaitu ketika pemujaan Guanyin hanya dilakukan kaum wanita di halaman rumah tangga, Chan telah memberi suntikan baru kepada perkembangan pertubuhan pemujaan Guanyin. Disebabkan mempunyai jaringan sosial yang luas, beliau dapat menarik ahli perniagaan dan profesional serta ahli keluarga mereka untuk menyertai aktiviti amal PPDP.

Sungguhpun PPDP berpusat di Kuala Lumpur, pemujanya datang dari seluruh Malaysia. Mereka datang kerana memerlukan bantuan Chan bagi menyelesaikan kemusykilan. Ketika kajian ini dibuat, Chan sudah mempunyai sepuluh orang anak murid yang terdiri daripada tujuh orang

lelaki dan tiga orang perempuan. Bagi melayakkan diri menjadi anak murid, setiap ahli perlu mempunyai keupayaan untuk melakukan tiga daripada lima *mudra* (gerak tangan mistik) berdasarkan mantera yang dibaca Chan. Selain pengikut Chan, PPDP mempunyai lebih daripada seratus orang pengikut. Sebagai pengikut, mereka tidak diberi sebarang tanggungjawab. Demikianlah keadaan PPDP ketika kajian ini dijalankan pada tahun 1991.

Dinding dan rak di bilik upacara sembahyang Chan itu dipenuhi lukisan Sakyamuni Buddha dan Guanyin. Empat buah meja sembahyang itu disandari dinding yang bersebelahan dengan pintu masuk. Meja itu dihalakan ke arah selatan, iaitu arah yang dikaitkan dengan kedudukan Guanyin. Di sebelah kanan pintu masuk pula, gambar Nabi Isa, Virgin Mary, Satya Sai Baba dan Shridi Sai Baba dipamerkan di atas sebuah meja sembahyang. Meja sembahyang ini hanyalah sebahagian daripada amalan pemujaan PPDP sekadar mewakili perjalanan kerohanian Chan yang paling awal. Perhatian ahli PPDP tertumpu pada tiga buah meja sembahyang yang diletakkan di sebelah kiri pintu masuk. Atas meja itu diletakkan imej Guanyin dan Sakyamuni Buddha yang bergaya ala China, Tibet dan Thai. Beberapa imej dewa Cina juga diletakkan di bahagian atas meja itu. Chan mengklasifikasikan dewa itu ke dalam kumpulan dewa Taoisme dan menganggap mereka sebagai pelindung PPDP. Walaupun pemujaan ahli PPDP berpusatkan Guanyin dan Sakyamuni Buddha, Chan dan anak muridnya memandang tinggi dewa-dewa Tao dan sentiasa berkomunikasi dengan mereka.

Para pemuja dan pengikut PPDP menaja kebanyakan patung dan imej yang disebut tadi. Mereka atau ahli keluarga mereka menaja patung atau imej Guanyin dan Buddha kerana PPDP tidak menerima sumbangan kewangan dan barang-barang lain. Peniaga patung dan imej dewa dan dewi Cina yang mengenali Chan juga sering memberi diskaun besar atau menghadiahkan patung atau imej dewa dan dewi Cina kepada Chan bila diperlukan.

PPDP menganjurkan tiga sesi perjumpaan setiap minggu. Dalam sesi perjumpaan di bilik upacara sembahyang, upacara meditasi, syarahan, berzikir, pemulihan dan juga menghalau hantu dilakukan dengan Chan memulakan setiap sesi perjumpaan dengan bermeditasi di hadapan meja sembahyang Guanyin-Sakyamuni Buddha. Selepas itu, beliau akan menyampaikan syarahan dalam dialek Kantonis dan bahasa Inggeris melalui mikrofon yang disambungkan kepada pembesar suara. Chan lazimnya akan bersyarah dalam bahasa Inggeris dengan berhenti selang sepuluh minit untuk membolehkan isi syarahannya dialihbahasa kepada

dialek Kantonis. Pembantu lain pula akan merakamkan syarahan Chan. Selain itu, ada sahaja pengikutnya merakamkan syarahan Chan.

Sesi pemulihan dilakukan sebelum atau selepas meditasi. Dibantu beberapa orang pengikutnya, Chan menyalurkan kekuatan Guanyin kepada pesakit dengan membaca mantera dan *mudra* Guanyin yang kompleks. Sepanjang sesi ini berjalan, Chan berada dalam keadaan sedar. Kekuatan yang disalurkan berkat ritual pemurnian dengan menggunakan air dan bunga itu akan membantu pesakit menghindari sebarang unsur yang membahayakan diri. Pesakit yang mahu dilindungi daripada gangguan makhluk halus akan diberi tangkal yang terdiri daripada abu suci atau tali pintal yang berwarna untuk dipakai pada leher atau lengan. Para pesakit juga membawa botol air untuk diletakkan di meja sembahyang yang kedua. Mereka percaya kekuatan yang terjana daripada upacara meditasi dan berzikir itu akan memberkati air yang selanjutnya akan menguatkan tenaga kerohanian mereka.

Semasa perayaan Guanyin yang diadakan tiga kali setahun, beratus-ratus orang pemuja Guanyin akan mengerumuni bilik upacara sembahyang untuk mendapat restu daripada Chan, anak-anak muridnya dan beberapa pawang undangan. Tiga perayaan ini disambut pada tarikh yang mengikut kalender qamari Cina. Ketiga-tiganya turut diraikan tokong Cina yang lain dan juga penganut agama Buddha Mahayana Cina. Perayaan ini memperingati hari kelahiran Guanyin, hari kesedaran Guanyin dan juga hari kemasukan Guanyin ke dalam bidara. Pada hari perayaan itu, kesemua pemuja Guanyin akan mematuhi nilai moral ajaran Buddha dengan mengamalkan pemakanan vegetarian. Di PPDP, perayaan dimulakan jam 7 petang. Satu upacara khas akan diadakan dengan dimulakan dengan membaca mesej Guanyin oleh Chan. Selepas itu, upacara penyalaan lampu dan pembacaan doa untuk keamanan dunia diadakan. Upacara ini akan berlangsung sehingga lewat malam. Pada hari berikutnya, upacara meditasi akan dimulakan pada jam 8.30 pagi bagi menyiapkan diri untuk aktiviti pemujaan. Upacara meditasi itu akan berlangsung selama 30 minit. Selepas itu, Chan akan menyampaikan mesej pagi Guanyin dan memimpin upacara pemujaan yang meliputi aktiviti melepaskan burung dan bertaubat. Pada tengah hari, pengikut PPDP akan menziarahi tokong Buddha untuk makan tengah hari dan menderma. Pada sebelah petangnya, Chan akan mengadakan perjumpaan peribadi dengan anak muridnya untuk menyiapkan mereka bagi menghadapi ritual pemujaan Guanyin yang lebih mencabar.

Bilik upacara sembahyang dibuka kepada orang ramai sehingga jam 5 petang bagi membolehkan aktiviti pemujaan dan berzikir. Para pemuja



biasanya bawa air untuk diletakkan di meja sembahyang bagi tujuan mendapat berkat. Mereka juga beratur untuk berjumpa dengan Chan dan anak-anak muridnya bagi mendapat berkat. Pemuja yang telah disahkan keahlian mereka dalam PPDP akan bawa gambar Guanyin untuk diberkati. Menjelang malam, upacara sembahyang khas untuk memohon keamanan akan diadakan. Apabila tamat pada jam 9 malam, acara makan malam vegetarian akan diadakan. Menurut Chan dan muridnya, upacara yang dijalankan sepanjang hari perayaan ialah cara untuk menyalurkan tenaga Guanyin. Perayaan yang dianjurkan itu akan membolehkan pemuja mendekati Guanyin.

Minat terhadap transmisi tenaga kerohanian (*qi*) untuk tujuan pemulihan dan mendapat berkat telah menyebabkan reputasi Chan semakin meningkat. Peningkatan bilangan pengikut PPDP, terutamanya di kalangan orang Cina yang berpendidikan dan yang menetap di bandar, menunjukkan permintaan terhadap amalan magis dan kerohanian dalam dunia serba moden adalah tidak berkurangan. Ramai pengikut itu akan menyertai upacara pembacaan mantera yang dipercayai berguna untuk memulihkan tenaga kerohanian. Mantera pertama yang diturunkan Guanyin iaitu *Avalolitesvara (om Mani Padme Hum)* telah menjadi fokus liturgi pengikut PPDP. Sebagai sumber kuasa kerohanian, mantera ini adalah asas kepada amalan tantrik Chan dengan pengikutnya berkomunikasi dengan Guanyin. Tantrisme ialah bentuk amalan ritual untuk mendekati kuasa-kuasa kerohanian utama yang sering dikaitkan dengan pemujaan dewi. Ia adalah amalan yang dipraktikkan pengikut agama Hindu, Buddha, Tao, sinkretik agama rakyat dan agama berteks.

Dalam konteks yang lebih luas, amalan tantrik ialah amalan yang berhubung kait dengan amalan menyeimbangi tenaga maskulin dan feminin. Kesatuan kedua-dua tenaga itu akan menjana tenaga kerohanian yang kuat yang mampu memimpin pemuja ke tahap makrifat. Pembacaan mantera maskulin itu dilafazkan bersama-sama dengan mantera Guanyin oleh pengikut PPDP bagi menjana kesan itu.

Usaha untuk mengejar makna kebahagiaan dan minat terhadap amalan tantrik telah membawa Chan kepada ajaran Buddha Vajayarana Tibet. Pada tahun 1980an, Chan menerima mesej daripada Guanyin memberitahunya seorang guru tantrik akan datang ke Malaysia. Tidak lama kemudian, Chan menemui seorang Lama berstatus tinggi, Karma Kagyu (satu mazhab dalam ajaran Buddha Tibet). Lama itu menerima Chan sebagai anak muridnya. Kemuncak usahanya untuk memahami amalan tantrik itu sudah tercapai bila Tenzin Gyatso (ketua Lama Tibet dalam buangan) melawat Malaysia pada tahun 1982. Sejak itu, PPDP

sering dikunjungi Lama dari Tibet. Selain memberkati pengikut PPDP dan Chan, Lama Tibet juga melakukan upacara tantrik. Pada tahun 1990 dan 1991, enam orang Lama berstatus tinggi dan tiga buah kumpulan Vajrayana telah mengiktiraf PPDP sebagai pertubuhan Vajrayana yang sah. Pengesahan itu telah mengukuhkan reputasi Chan sebagai pengantara sebuah pertubuhan pemulihan tempatan dengan sebuah agama dunia.

Sebagai pawang moden, Chan tidak menghabiskan masanya untuk tujuan kerohanian semata-mata. Beliau tetap dengan kerjayanya sebagai usahawan yang berjaya. Sungguhpun menghabiskan dua belas jam seminggu untuk aktiviti PPDP, beliau juga meluangkan masa untuk menguruskan perniagaannya. Bantuan yang diberi saudara-maranya telah membolehkannya bergiat di bidang kerohanian dan perniagaan. Selain aktiviti di PPDP dan perniagaan, Chan juga aktif dalam kegiatan kebajikan. Sebagai ahli jawatankuasa Pusat Buddha Vajrayana dan Pertubuhan penganut agama Budha Mahayana, beliau terlibat dalam kerja mengumpul dana untuk kebajikan. Chan juga aktif dalam projek mendirikan bangunan sebagai pusat ajaran Guanyin. Pusat ini akan menggantikan bilik upacara sembahyang PPDP yang kini terlalu kecil untuk menampung peningkatan pengikut PPDP. Walaupun dibebani banyak tanggungjawab, kesemuanya tidak melemahkan dedikasi kerohanian Chan terhadap Guanyin.

Chan prihatin dan faham persepsi negatif golongan elit Cina terhadap amalan tradisional dalam kepercayaan orang Cina. Beliau cuba menjauhi amalan yang dilabelkan sebagai tahyul oleh golongan itu. Strategi Chan adalah mengaitkan amalan pemujaan Guanyin dengan ajaran asasi Buddha Mahayana. Beliau tidak mengambil pendekatan pawang tradisional ketika mengkaji ajaran Buddha. Bagi membolehkannya mempunyai pemahaman sedemikian, Chan telah membaca banyak sekali teks agama Buddha. Usaha intelektual itu telah membantunya meletakkan amalan pemujaan Guanyin dalam konteks agama dunia yang lebih luas.

Menurut Chan, beliau mengambil masa lima tahun untuk membina ilmu kepawangannya. Pada mulanya, Chan mengelak untuk memikirkan pengalaman kerohanian itu secara intelektual. Guanyin tidak membenarkannya mengkaji ajaran Buddha di peringkat awal dan tidak mahu beliau dipengaruhi interpretasi orang lain terhadap ajaran Buddha. Lantaran itu, Guanyin mahu Chan membatasi dirinya dengan menerima ajaran Buddha daripada satu punca sahaja, iaitu Guanyin sendiri. Hanya selepas mendapat tunjuk ajar intensif daripada Guanyin, Chan dibenarkan mempelajari ajaran Buddha secara persendirian.

Proses intelektual kepawangan yang dilalui Chan itu telah mempengaruhi perkembangan PPDP. Ajaran Guanyin dan juga

pemahamannya sendiri mengenai perkara berkaitan agama itu telah menyebabkannya memikirkan perkara yang berkaitan ajaran dan amalan agama universal. Dengan kata lain, beliau mengambil pendekatan fleksibel dalam memimpin PPDP dengan sering sering memberitahu pengikutnya bahawa “semua perkara masih belum terbentuk lagi”. Pendekatan ini menjadi asas kepada pemahaman terhadap aktiviti dan ideologi PPDP.

## PROSES TEKSTUALISASI

Sejak memulakan kerjayanya sebagai pawang, Chan telah mengutamakan pengumpulan rekod pengalaman individu dan kumpulan. Usaha menterjemahkan hasil sawai ke dalam teks ialah salah satu ciri pawang moden kerana pawang moden dan yang berpendidikan seperti Chan tidak akan berpuas hati sekadar mendengar pengalaman sawai. Pawang moden seperti Chan adalah pawang yang canggih dan sedar tentang pentingnya tekstualisasi agama, serta pengetahuan saintifik. Dengan itu, mereka akan cuba mengaitkan pengetahuan dengan persekitaran kebudayaan yang luas. Sifat keterbukaan PPDP terhadap ajaran Tao tradisional dan Buddha Mahayana serta usaha tekstualisasi sinkretik itu telah diperakui pakar sejarah yang mengkaji agama Cina sektarian.

Fokus tekstualisasi PPDP ialah penjilidan komunikasi antara Chan dengan Guanyin yang telah berlangsung lebih satu abad lamanya. Teks-teks itu direkodkan dalam bahasa Inggeris dalam buku lejar yang disimpan di bilik upacara sembahyang PPDP. Pemuja bebas menelaah dan mengkaji rekod ini, tetapi tidak boleh dibawa keluar atau disalin rekod yang berkenaan. Chan menamakan rekodnya sebagai “Cerita PPDP.” Usahnya untuk merekodkan ajaran yang diterimanya telah memanfaatkan pengikut PPDP. Bagi menumpukan perhatian terhadap usaha mentranskripsikan dan mengekodkan pengalamannya, Chan telah menyerahkan tugas pemulihan itu kepada anak muridnya.

Proses tekstualisasi Chan itu telah mengangkat kedudukan PPDP ke tahap yang lebih tinggi: bukan sahaja telah membantu Chan meningkatkan tahap kesedaran, tetapi juga intelektual pengikutnya terhadap imej PPDP berbanding dengan pertubuhan dan amalan keagamaan yang lain. Bagi Chan, PPDP ialah sebuah badan bukan-perniagaan. Ciri ini memisahkan PPDP dan ajaran Guanyin dengan pertubuhan pengantara yang lain. Baginya, pertubuhan pengantara tidak berprinsip dan mempunyai kepentingan sendiri tetapi ajaran Guanyin ialah ajaran yang murni yang dapat mewakili ajaran Buddha. Beliau juga berpendapat ajaran Buddha

adalah cara untuk mencapai kesedaran. Dengan itu, usaha merekodkan ajaran Buddha adalah langkah yang dapat memperkukuhkan ajaran Buddha. Berbekalkan pemahaman itu, Chan telah menaja usaha sekumpulan sarjana India untuk menerbitkan terjemahan pelbagai jilid kitab Avaloikitesvara.

Walaupun penajaan projek itu telah membantu meningkatkan reputasinya di peringkat antarabangsa, tetapi ia tidak mengurangkan perhatiannya terhadap pembentukan ideologinya di peringkat tempatan. Projek penulisan sejarah PPDPnya itu bergerak sejajar dengan pembentukan ideologi moral yang cuba dikembangkannya. Menurut Seaman (1979) dan Jordan & Overmyer (1986), usaha sedemikian telah dimulakan cendekiawan di China sejak abad ke-6 T.M. lagi. Proses memartabatkan ajaran untuk menjadi sebuah pertubuhan keagamaan telah dilakukan melalui upacara *seances* yang dipimpin seorang pengantara yang sedang sawai yang menulis ajaran yang diterimanya dengan menggunakan *planchette*. Seorang pembantu akan menterjemah ilmu yang ditulis *seances*. Terjemahan ini akan dibukukan dengan diberi judul *shan shu*. Chan tidak menggunakan pendekatan sawai itu untuk menerima ajaran Guanyin, tetapi menerimanya melalui komunikasi peribadi. Ajaran yang diterimanya dibukukan dalam buku "Cerita PPDP" yang sebenarnya boleh dikategorikan sebagai buku *shan shu*.

Walaupun proses pendokumentasian sejarah PPDP baru sahaja bermula, hasil dokumentasi itu boleh diklasifikasikan kepada tiga tema. Pertama, tema ketaatan kepada ibu bapa yang sudah ditulis dalam teks kerohanian Taiwan yang dikaitkan dengan Buddha Maitereya dan dewa Cina seperti Golden Mother dan Guandi (Jordan & Overmyer 1986: 56-59). Dalam erti kata lain, Chan hanya menerbitkan semula tema itu dengan mengaitkannya dengan ajaran Guanyin. Kedua, misi Chan untuk memimpin orang Cina di Malaysia kelas menengah di bandar, terutamanya yang berpendidikan Inggeris, untuk mempercayai Guanyin. Untuk itu, persekitaran PPDP harus berasaskan bahasa Cina, sedangkan beliau dan ramai pengikutnya tidak mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Cina. Masalah ini diatasinya dengan pertolongan anak muridnya yang tahu bahasa Cina. Dengan itu, Chan menurunkan ajaran Guanyin dalam dua bahasa dengan dia berjaya membentuk imej Guanyin sebagai dewi pengasih. Ketiga, proses pendemokrasian (*mantrayana*) mantera Guanyin untuk memupuk kepercayaan terhadapnya. Hasilnya, mantera Guanyin kini sudah boleh diikuti semua pemuja tanpa mengira kedudukan. Melalui mesejnya kepada Chan, Guanyin berpendapat proses *mantrayana* akan membantu memupuk kesedaran kerohanian di kalangan manusia

zaman moden. Guanyin juga berpendapat tanpa *mantrayana*, manusia akan kehilangan pegangan kerohanian, lantaran akan mengalami kesengsaraan yang tidak sepatutnya.

Usaha yang berterusan itu adalah untuk mengekalkan kesetiaan pemuja yang juga menekankan hubungan duniawi dengan dunia selepas kematian dengan hujah bahawa kewujudan duniawi tidak mempunyai makna. Idea berhubung dengan fungsi Guanyin sebagai dewi pengasih itu diselitkan dalam perbincangannya. Bagi Chan dan anak muridnya, kepercayaan kepada dewa dan dewi Tao tidak bertentangan dengan ajaran Guanyin, tetapi sebahagian daripada laluan yang perlu dilalui untuk mempercayai Guanyin. Jika kepercayaan kepada kesemua dewa dan dewi itu sebahagian daripada proses mempercayai Guanyin, maka Guanyin telah merangkumi semua dewa dan dewi. Namun, pendedahan Chan kepada ajaran asasi doktrin Mahayana bahawa kekosongan adalah matlamat utama penganut ajaran Buddha itu bertentangan dengan usahanya untuk mewujudkan kepercayaan terhadap Guanyin. Pendekatan teori tantraisme Vajrayana itu menjelaskan Guanyin ialah konsep yang dicipta minda manusia untuk membantu usaha kita mencapai tahap yang tertinggi dalam amalan tantrik.

Pemahaman Chan tentang makna kekosongan yang dianjurkan ajaran Vajrayana telah membantu usahanya untuk mendokumentasi ideologi PPDP. Usaha pendokumentasi itu penting dalam dunia kepawangan moden. Akan tetapi, usahanya untuk berbuat demikian agak sukar kerana beliau berdepan dengan isu ketidakselarian ajaran dengan idea yang lahir daripada sumber-sumber ideologi itu. Beliau cuba menyelesaikan masalah ini dengan menyimbangi peranan Guanyin sebagai dewi pengasih di satu pihak dan membantu pemujanya mencapai kekosongan di satu pihak yang lain. Pendekatan itu tidak menimbulkan masalah kepada PPDP selagi kedua-dua ajaran yang dibincangkan itu tidak kelihatan bermasalah di peringkat konsep.

## ANTARA RAMALAN DAN BANTAHAN

Perkembangan cepat PPDP melambangkan pentingnya peranan pawang moden dalam memenuhi keperluan etnik dan agama di kalangan orang Cina di bandar. Ia bukanlah pertubuhan agama, tetapi memainkan peranan itu di kalangan orang Cina kelas menengah yang berpendidikan bahasa Inggeris. Selain itu, ada dua buah badan, Pertubuhan Menyembah Bapa Syurga (MBP) dan Tokong Era Baru (TEB) telah memainkan peranan

yang sama (Ackerman & Lee 1982 & Lee 1986: 206-209). Di sini ingin dibandingkan ciri kedua-duanya dengan PDPSehubungan perubahan interpretasi makna kebudayaan yang dilalui orang Cina di Malaysia.

Berbeza dengan PDPD, MBP dan TEB tidak memuja Guanyin. Namun, kedua-dua pertubuhan itu bersifat sinkretik dengan ciri yang dikaitkan kepercayaan popular orang Cina. Ketiga-tiga pertubuhan itu berlandaskan kepercayaan popular Cina yang sejajar dengan nilai agama sejagat yang ditujukan kepada orang Cina. Mereka juga berpendapat amalan dan kepercayaan itu sesuai diamalkan orang bukan Cina. Pengasas MDP ialah guru, sementara pengasas TEB pula ialah peniaga. Mereka mempunyai misi untuk memimpin orang Cina agar dapat mempunyai pegangan agama semula. Untuk misi itu, MDP dan TEB memerlukan pendekatan ideologi yang sama dengan PDPD. Pengasas kedua-dua pertubuhan itu telah melalui banyak krisis dalam hidup sebelum mendapat wahyu dari alam ghaib. Mereka mendakwa wahyu telah mengurniakan mereka kuasa luar biasa dan keupayaan untuk berhubung dengan alam dewata. Pengalaman itu kemudiannya diterjemahkan kepada teks lisan yang berkesan dalam mempengaruhi golongan yang berpendidikan untuk mengikuti ajaran itu. Sementara itu, bagi mereka yang tidak berpendidikan tinggi, pengasas MDP dan TEB mempengaruhi mereka dengan menggunakan pendekatan magis dan kuasa luar biasa.

Pemimpin dan pengikut kanan MDP dan TEB yang berjumlah sebelas hingga lima belas orang itu terdiri daripada orang Cina kelas menengah yang berpendidikan Inggeris. Kedua-dua pertubuhan itu mempunyai bilangan pengikut yang besar dalam lingkungan 100 ke 200 orang. Mereka berminat dan komited terhadap ideologi pertubuhan yang diilhamkan pengasas masing-masing. Sementara itu, ada juga sekumpulan pengikut masih belum diterima keahlian mereka. Bilangan kumpulan ini berubah-ubah. Dikaji secara menyeluruh, jumlah keahlian yang tidak tetap itu menggambarkan tahap komitmen mereka juga berubah-ubah mengikut masa dan keadaan.

Ideologi MDP dipengaruhi ideologi Kristian Protestant. Bersifat monoteistik, fokus pemujaan MDP adalah Tiangong (Maharaja Syurga). Identiti Tiangong diambil daripada identiti Maharaja Jade: dewa agung dalam fahaman agama Cina tradisional. Yang membezakan Tiangong dan Maharaja Jade ialah konsep Tiangong dikaitkan dengan fahaman monoteistik Kristian, manakala TEB mengamalkan pendekatan sinkretik dengan menggabungkan ciri-ciri kepercayaan tradisional Cina dengan fiksyen sains barat. Pengikut TEB memuja dewa yang sukar difahami ciri-cirinya. Dewa itu hasil penggabungan seorang mahaguru kudus yang

memiliki kuasa dan pengetahuan kerohanian yang tinggi dengan seorang makhluk asing yang datang dari angkasa raya. Pemahaman TEB ini mirip kepada andaian Erich Von Denicken yang berpendapat bumi pernah dilawati makhluk asing yang telah menganugerahkan daya pemikiran intelektual kepada manusia.

Ketiga-tiga pertubuhan itu dipimpin orang dalam lingkungan usia empat puluhan dan juga yang mempunyai kerjaya masing-masing. Persamaan antara mereka ialah pengalaman melalui krisis hidup sebelum mendapat visi yang membuat mereka mempunyai dimensi lain. Maksud dimensi lain itu ialah mereka dikurniakan pengetahuan dan kuasa yang luar biasa; boleh berkomunikasi dengan dewa masing-masing tanpa melalui proses sawai. Dengan mengekalkan kesedaran, mereka boleh menerima ajaran daripada dewa masing-masing dalam keadaan sedar dan ajaran itu diturunkan kepada pengikut mereka dalam keadaan mereka sedar. Ajaran ini seterusnya menjadi ideologi pertubuhan itu.

Ideologi itu tidak datang tanpa asasnyanya, iaitu ideologi itu adalah hasil interaksi antara kepercayaan popular Cina dengan budaya umum masyarakat Malaysia pasca penjajahan. Interaksi itulah asas kepada ciri pawang moden ketiga-tiga pertubuhan itu. Seperti yang telah disimpulkan Yang (1967: 230) kepercayaan sinkretik Cina terbit daripada ajaran Buddha, Tao dan Konfucius. Semasa orang Cina berinteraksi dengan orang Barat pada kurun ke-19, idea agama Kristian telah diserap ke dalam kepercayaan orang Cina (Bays 1982). Kepercayaan sinkretik moden Cina kemudiannya diwujudkan pemimpin agama yang mendakwa mereka memiliki keupayaan untuk berhubung dengan alam dewata. Mereka mempunyai perwatakan yang jitu dan berupaya menjana kesedaran tentang kepentingan beragama serta mampu mempamerkan kuasa luar biasa. Ideologi yang berpaut kepada kesedaran beragama itu wujud dalam ketiga-tiga pertubuhan yang dikaji.

Dari segi ideologi, PPDP boleh diklasifikasikan sebagai pertubuhan yang dibentuk daripada hasil bantahan dan ramalan. Seperti pertubuhan agama Cina pada kurun ke-19, ia masih belum mempunyai ciri ramalan millenarianisme (Overmayer 1976; Naquin 1985). Sehubungan itu, Chan sekadarkan menekankan keseimbangan moral dalam kehidupan harian dengan menggunakan Guanyin untuk membawa mesej kasih sayang. Pada awal tahun 1991, Chan telah menambah Buddha Maiteraya (Buddha yang dikaitkan dengan millenarianisme) atas meja sembahyangnya. Beliau berbuat demikian selepas mendapat mesej daripada Jigong (salah satu dewa Tao) bahawa dunia ini akan diancam malapetaka. Walaupun memandang serius mesej millenarian Jigong itu, Chan tidak menggunakan

mesej ramalan ini sebagai nadi pertubuhannya. Berbeza dengan TEB yang meramalkan Perang Dunia III akan terletus pada tahun 1983 dan paksi dunia akan beralih sebanyak enam darjah pada tahun 1993, Chan tidak mengatur PPDP berdasarkan prinsip hari kiamat.

PPDP bukanlah pertubuhan agama yang mempunyai agenda politik. Ciri ini membezakannya dengan pertubuhan agama Cina yang lain. Sejak penubuhannya, PPDP tidak pernah menganjurkan aktiviti memperjuangkan hak dan kebajikan orang Cina di Malaysia. Mungkin ini adalah strategi Chan untuk mengelakkan konflik dengan pertubuhan politik Cina dan bukan Cina. Bila mengisytiharkan dirinya sebagai penyampai mesej Guanyin, Chan telah mengisytiharkan pendekatan PPDP yang mementingkan keamanan dan kebajikan.

Ciri ketiga-tiga pertubuhan yang dibincangkan itu telah memberi makna baru kepada kepawangan dalam konteks identiti orang Cina di Malaysia yang mempercayai agama tradisional Cina, maka telah menjadi ahli dalam pelbagai pertubuhan agama (Topley 1957 & 1963; Tan 1983). Akan tetapi, berbeza dengan ketiga-tiga pertubuhan agama ini, pertubuhan agama Cina yang lain tidak bercirikan ajaran yang berteraskan wahyu yang diilhamkan pawang. Mereka mempunyai latar belakang yang membezakan diri daripada pengantara, pemulih tradisional dan pemanggil roh Cina. Mereka ialah usahawan Cina berusia setengah abad dengan dua orang daripada mereka itu yang berpendidikan Inggeris. Sungguhpun pemimpin TEB berlatar-belakangkan pendidikan Cina, ada juga pengikutnya berpendidikan Inggeris. Yang membuat mereka lebih unik ialah keupayaan mereka untuk membina ideologi yang padu, selain dapat menyatukan ideologi mereka dengan keupayaan luar biasa mereka untuk menarik ramai pengikut kelas menengah dan yang berpendidikan Inggeris. Sehubungan itu, bilangan pengikut PPDP telah meningkat dengan drastik dan kebanyakan mereka adalah daripada golongan borjuis Cina.

Ramai pengantara Cina yang berjaya adalah wanita (Lee 1986), walaupun gerakan mereka itu tidak tersusun dalam bentuk pertubuhan kepawangan yang dilengkapi ideologi sinkretik. Ketiadaan pemimpin agama Cina wanita itu sejajar dengan pemerhatian Sangren (1983: 21) yang mendapati kepimpinan pertubuhan agama telah dimonopoli kaum lelaki. Ini termasuk pertubuhan agama yang memuja dewi wanita seperti PPDP. Sistem patrilineal Cina itu telah menyebabkan wanita tidak berpeluang menggerakkan sumber yang diperlukan untuk menggerakkan pertubuhan agama. Pawang lelaki sering menggunakan premis perniagaannya untuk mengadakan perjumpaan. Contohnya ialah Chan. Selain itu, pengalaman profesional dan tidak terikatnya mereka kepada



urusan domestik telah memberi kaum lelaki banyak ruang untuk bergerak secara aktif dalam aktiviti pertubuhan agama.

Makna pawang moden yang dikaitkan dengan pemimpin lelaki yang berpendidikan Inggeris itu boleh dijelaskan dengan usaha orang Cina untuk membina semula identiti Cinanya. Proses ini merujuk kepada usaha sekumpulan orang yang berpendidikan Inggeris pada tahun 1970-an. Mereka mengalami krisis identiti bila kerajaan Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah. Ini juga disebabkan mereka tidak berpendidikan dalam bahasa Melayu dan juga berpendidikan bahasa Cina. Hasilnya, mereka cuba membina identiti Cina mereka semula (Lee & Ackerman 1997).

Chan dan pengasas MDP adalah antara orang yang terperangkap dalam krisis identiti itu. Mereka berpendidikan Inggeris, maka terdedah kepada ajaran agama Kristian sejak usia muda. Namun, bila sudah dewasa, mereka cuba membina identiti Cina melalui aktiviti agama yang berbentuk kepawangan. Bays (1982) mendapati kaedah kepawangan yang diamalkan itu mempunyai banyak persamaan dengan ajaran agama Kristian. Selain itu, Chan dan pengasas MDP cuba membaiki penguasaan mereka ke atas bahasa Cina, tetapi kelemahan itu telah membuat mereka lebih gemar berinteraksi dalam bahasa Inggeris dengan pengikut masing-masing. Akibatnya, pertubuhan yang mereka pimpin itu telah menarik perhatian ramai orang Cina kelas menengah yang berpendidikan Inggeris. Pertubuhan itu telah membuka peluang untuk orang Cina di Malaysia sedemikian untuk membina semula identiti Cina mereka.

Pengasas TEB tidak menghadapi masalah berbahasa Cina kerana beliau berpendidikan bahasa Cina. Namun, beliau cuba untuk mendekati pengikut yang berlatar-belakangkan pendidikan Barat dengan mensinkretikkan ideologi pertubuhannya dengan menggabungkan kepercayaan tradisional Tao dengan idea sains fiksyen. Berbeza dengan pengasas PPDP dan MDP, pengasas TEN terpaksa membaratkan ideologinya untuk memimpin pengikut borjuis itu memahami pandangan dunia Cina.

Proses pengidentifikasian semula dengan budaya Cina melalui agama itu melambangkan usaha dialektik budaya yang disusun untuk membentuk ideologi yang inovatif. Pengidentifikasian semula identiti Cina itu tidak bermaksud meninggalkan semua idea dan metodologi Barat. Sebaliknya, yang berlaku ialah idea dan metodologi Barat telah digunakan untuk membina model untuk memberi makna baru kepada identiti Cina. Pawang moden Cina yang berjaya adalah yang dapat menggerakkan budaya Cina dan Barat untuk membentuk ideologi mereka. Kepawangan ialah sesuatu yang tidak boleh diterima perspektif Barat. Akan tetapi, pawang moden

itu telah memasukkan unsur dan kaedah Barat dalam ideologi mereka. Sementara itu, selepas Perang Dunia II, ramai orang Barat dapat menerima kepercayaan dan agama orang Asia. Kini, ideologi menggabungkan model Barat dengan agama Asia tidak menimbulkan konflik. Sebaliknya, ia berpotensi menjadi kepercayaan, teks dan amalan baru. Ringkasnya, pendekatan pawang moden itu telah membolehkan orang Cina yang berpemikiran Barat itu menerima semula agama Cina tradisional.

### MASA DEPAN PERTUBUHAN KEPAWANGAN CINA

Pendekatan pawang Cina moden ialah cuba menghubungkan alam magis dengan pemikiran moden. Mereka mengatur secara sistematik dan inovatif hubungan itu dengan transmisi pengalaman mistik mereka secara lisan dan teks. Kemunculan pawang moden ini telah bercanggah dengan pandangan Weber yang mengatakan orang Cina tidak pernah dan tidak akan dipimpin dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama. Kesimpulan itu dibuat selepas mengamati orang politik Cina yang berpendidikan. Menurutnya, orang Cina tidak akan terpengaruh dengan ideologi yang disebarkan pawang yang cuba menjadi rasul. Ini disebabkan pemikiran orang Cina didominasi ideologi Konfucius rasional dan sistem birokrasi patrimoni. Tetapi, di kalangan orang Cina di Malaysia yang tidak dominan kuasa politiknya, peluang untuk pawang sedemikian untuk mempengaruhi pemikiran mereka dengan memberikan mereka perkhidmatan yang berkaitan dengan identiti mereka wujud.

Ketiadaan kerasionalan politik yang dipimpin mereka yang berpemikiran Konfusius itu telah menyebabkan orang Cina di Malaysia lebih mudah dipengaruhi pertubuhan pawang ala rasul. Pertubuhan itu dapat memenuhi keperluan mereka secara sistematik dalam hal ehwal agama. Pengasas pertubuhan itu telah menjauhi amalan kepercayaan Cina tradisional. Mereka cuba membentuk ideologi yang berasaskan konsep sejagat. Dibantu pengikut kelas menengah, pawang yang memimpin pertubuhan ini dapat membina ideologi kepercayaannya secara inovatif dan serba lengkap.

Usaha pertubuhan kepawangan moden untuk mengembangkan ideologi secara formal itu telah dipertingkatkan melalui proses tekstualisasi ajaran, terjemahan, pengurusan kewangan dan hubungan awam yang dikendalikan pengikut kelas menengah. Mereka juga berusaha untuk mengembangkan ajaran di pertubuhan yang mereka anggotai dengan

menggunakan jaringan sosial masing-masing. Berbanding dengan pengikut kelas pekerja, pengikut kelas menengah lebih suka menelaah teks agama dengan mendalam. Dengan berbuat demikian, mereka dapat membezakan amalan dan kepercayaan pertubuhan yang mereka anggotai itu dengan kepercayaan tradisional Cina lain. Kesannya, mereka membentuk sempadan budaya yang memberi makna baru kepada identiti Cina.

Pawang moden Cina telah memulihkan semula kosmos magis dalam kepercayaan orang Cina. Walaupun kepercayaan kepada kosmos telah banyak dihakis kerasionalan, tetapi pawang moden Cina telah berjaya menghentikan hakisan itu dengan membawa masuk unsur moden dalam ideologi mereka. Kemunculan pawang moden Cina telah membolehkan kepercayaan terhadap dunia magis dan pemikiran moden itu bergerak seiring. Mereka telah melahirkan semula “taman magis” yang dipercayai Weber akan hilang ditelan kerasionalan dan masyarakat birokratik.

#### NOTA HUJUNG

1. Pendekatan yang diambil Weber untuk memahami agama orang Cina itu berdasarkan sumber sekunder. C. K. Yang berpendapat Weber tidak mempunyai sumber primer yang cukup untuk memahami keadaan semasa China dan kesannya, pemahaman Weber ke atas kepercayaan sektarian Cina adalah tidak lengkap.
2. 30% penduduk Malaysia terdiri daripada orang Cina dengan 80% itu menganut agama Buddha dan Tao.
3. Semua nama individu dan pertubuhan dalam makalah ini sudah diubah untuk melindungi kepentingan mereka. Sejarah awal PPDP diambil daripada jurnal Chan.
4. Secara umumnya, tantrisme ialah amalan yang dipengaruhi pandangan anti-spekulasi dengan tujuannya dapat mentransformasikan tenaga dalaman atau tenaga psikik. Amalan ini bersifat ritual. Sungguhpun amalan tantrik sering dikaitkan dengan ritual seksual, dalam artikel ini, amalan tantrik merujuk kepada usaha untuk mengecapkan tenaga dewa melalui pembacaan mantera dan visualisasi.
5. Pada akhir tahun 1960-an, Erich Von Daniken mencetuskan kontroversi melalui bukunya. *Chariots of Gods*. Beliau berpendapat makhluk asing telah melawat bumi dan menyumbang elemen genetik mereka kepada manusia.

#### RUJUKAN

- Ackerman, S. E. & Lee, R. L. M. 1982. Pray to the Heavenly Father: A Chinese New Religion in Malaysia. *Numen* 29: (1): 62–77.
- Baity, P. C. 1975. *Religion in a Chinese Town*. Taipei: Orient Cultural Service.

- Bays, D. H. 1982. Christianity and the Chinese Sectarian Tradition. *Late Imperial China* 4: 33–55.
- de Groot, J. J. M. 1964. *The Religious Systems of China*. Taipei: Literature House.
- Eliade, M. 1958. *Yoga: Immortality and Freedom*. Princeton: Princeton University Press.
- \_\_\_\_\_. 1964. *Shamanism: Archaic Techniques of Ecstasy*. Princeton: Princeton University Press.
- Guenther, H. V. 1976. *The Tantric View of Life*. Boulder: Shambala.
- Heinze, R. I. 1982. Shamans or Mediums: Toward a Definition of Different States of Consciousness. *Phoenix: Journal of Transpersonal Anthropology* 6: 25–44.
- Jordan, D. K. & Overmyer, D. L. 1986. *The Flying Phoenix: Aspects of Chinese Sectarianism in Taiwan*. Princeton: Princeton University Press.
- Lee, R. L. M. Continuity and Change in Chinese Spirit Mediumship in Urban Malaysia. *Bijdragen Tot de Taal, Land en Volkenkunde* 142:2/3 (1986): 198–214.
- \_\_\_\_\_. & Ackerman, S. E. *Sacred Tensions: Modernity and Religious Transformation in Malaysia*. Columbia: University of South Carolina Press, 1997.
- Naquin, S. The Transmission of White Lotus Sectarianism in Late Imperial China. IN Johnson, D.; Nathan, A. J. & Rawski, E. S., eds. *Popular Culture in Late Imperial China*. Berkeley: University of California Press, 1985: 255–291.
- Overmyer, D. L. *Folk Buddhist Religion*. Cambridge: Harvard University Press, 1976.
- Sangren, S. Female Gender in Chinese Religious Symbols: Kuan Yin, Ma Tsu, and the 'Eternal Mother'. *Signs* 9 :1 (1983): 4–25.
- Seaman, G. *Temple Organization in a Chinese Village*. Taipei: Orient Cultural Service, 1978.
- Shaw, M. *Passionate Enlightenment: Women in Tantric Buddhism*. Princeton: Princeton University Press, 1994.
- Tan, C. B. Chinese Religion in Malaysia: A General View. *Asian Folklore Studies* 42 (1983): 217–252.
- Topley, M. The Great Way of the Former Heaven: A Chinese Semi-Secret Religion in Malaya. *The New Malayan* 2 (1957): 13–23.
- \_\_\_\_\_. The Great Way of the Former Heaven: A Group of Chinese Secret Religious Sects. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies* 26 (1963): 362–392.
- Varenne, J. *Yoga and the Hindu Tradition*. Chicago: University of Chicago Press, 1976.
- Weber, M. *The Religion of China*. New York: Free Press, 1951.
- Welch, H. & Yu, C. F. The Tradition of Innovation: A Chinese New Religion. *Numen* 27:2, (1980): 222–246.

Yang, C. K. *Religion in Chinese Society*. Berkeley: University of California Press, 1967.

(Sumber asal rencana ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan judul *Divine Contracts: Chinese New Religions and Shamanic Movements in Contemporary Malaysia* dan sudah diterbitkan dalam *Journal of Contemporary Religion*. 16:3 (2001): 293-311)

Penterjemah: Chin Yee Mun, Ph D  
Universiti Tunku Abdul Rahman  
No 3, Jalan 13/6,  
46200 Petaling Jaya

E-mel: chinym@utar.edu.my

